

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 3 (12)

Tarikh : 10 Ogos 2020

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)/ PENYEDIA  
TECHNICAL & VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 7/2020**

**PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET:  
PERMOHONAN, PENDAFTARAN DAN PEMAKAIAN OCCUPATIONAL/  
INDUSTRY STANDARDS AND PRACTICES (OISP)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil. 10/2019 bertarikh 30 Ogos 2019 berkaitan Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA).

3. Merujuk kepada Pekeliling tersebut, COPTPA merupakan sumber rujukan utama bagi semua PPT/Penyedia TVET dalam membangun dan menawarkan program TVET di Malaysia. Justeru, PPT/Penyedia TVET perlu mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam COPTPA bagi urusan penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh program TVET. Ini termasuklah ketetapan untuk menggunakan **Occupational/Industry Standard and Practices (OISP)** sebagai asas kepada pembangunan kurikulum program TVET yang boleh diperolehi daripada **Daftar OISP** yang diselenggarakan secara bersama oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). **Daftar OISP** merupakan satu depository senarai OISP yang mendapat kelulusan dan pengesahan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET Bil. 1/2020 bertarikh 17 Februari 2020 telah bersetuju dengan proses pendaftaran OISP dan penyenaian beberapa OISP. Maklumat ini serta penyenaian baharu Daftar OISP boleh dirujuk pada Portal TVET di laman sesawang MQA.

5. Sehubungan itu, mana-mana program yang ingin diklasifikasikan sebagai program TVET perlu merujuk kepada standard/amalan industri yang disenaraikan dalam Daftar OISP dan mematuhi Standard TVET dalam COPTPA.

6. PPT/Penyedia TVET yang berhasrat untuk menggunakan standard/amalan industri selain daripada yang disenaraikan dalam Daftar OISP perlu memaklumkan kepada pemilik standard/amalan industri untuk mengemukakan permohonan penyenaian dalam Daftar OISP terlebih dahulu berdasarkan kategori berikut:

- i. **Kategori A:** Standard atau garis panduan/ketetapan atau yang setara yang dibangunkan oleh MQA atau JPK, badan profesional atau badan kawal selia yang ditubuh di bawah akta yang berkaitan yang memberi penekanan kepada amalan industri dan pekerjaan serta menyokong kepada pelaksanaan COPTPA; atau
- ii. **Kategori B:** Standard/amalan pekerjaan dan industri bagi bidang pekerjaan yang **belum ada** atau yang merupakan **kemaskini** kepada senarai bidang OISP dalam Daftar OISP. **Standard/amalan pekerjaan dan industri kategori ini perlu mendapat pengesahan daripada peneraju industri utama (Industry Lead Body, ILB).**

7. Maklumat lanjut bagi permohonan OISP dan senarai OISP boleh dirujuk pada Portal TVET di laman sesawang MQA [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. YBrs. Tuan Haji Zaihan Bin Shukri  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)  
Tingkat 7-8, Blok D4  
Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62530 W.P. PUTRAJAYA**
5. YBhg. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 3, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
6. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**

7. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
8. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**
9. Ketua Pengarah  
Majlis Amanah Rakyat (MARA)  
Ibu Pejabat MARA  
21, Jalan MARA  
**50609 KUALA LUMPUR**
10. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 4, Bangunan Canselori  
Universiti Malaysia Terengganu  
**21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**
11. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
12. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
**43400 SERDANG, SELANGOR**
13. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pejabat Presiden  
Universiti Multimedia  
Persiaran Multimedia  
**63100 CYBERJAYA, SELANGOR**

14. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
  
15. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
  
16. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera  
Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn 1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**